

Pintu gerbang Betong diroboh demi keselamatan orang awam

October 19, 2015,
Monday



PUNCA: Jengkaut tersangkut pada pintu gerbang pada minggu lalu menyebabkan keretakan pada binaan tersebut.

BETONG: Penduduk Betong diingatkan supaya tidak menimbulkan sebarang spekulasi negatif berhubung kerja meroboh pintu gerbang di laluan masuk ke bandar Betong dekat sini kelmarin.

Setiausaha Majlis Daerah Betong(MDB) Bujang Ladi berkata kerja meroboh pintu gerbang dilakukan kerana keretakan terdapat pada binaan tersebut akibat rempuhan jengkaut yang tersangkut ketika dibawa treler melalui laluan tersebut minggu lalu.

“Kami telah memaklumkan kepada Timbalan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang berhubung perkara itu seterusnya berbincang bersama pihak berwajib lain dengan mengambil tindakan drastik untuk meroboh pintu gerbang tersebut demi keselamatan orang awam dan kepentingan bersama semua pihak.

“Dalam hal ini, kami amat mengambil berat faktor keselamatan kerana binaan tersebut merentasi laluan utama penduduk Betong.

“Ia dikhuatiri boleh mengundang padah jika berlaku keretakan serius dan struktur yang pecah dan berlaku perkara yang tidak diingini kepada penduduk yang menggunakan laluan tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi untuk mengulas kerja meroboh pintu gerbang utama di bandar Betong

kelmarin.

Jelasnya, pada masa sama ketinggian binaan itu diambil kira dan tidak menepati spesifikasi ketinggian diperlukan kerana jengkaut tersangkut pada pintu gerbang tersebut dan menyebabkan keretakan.

Tambahnya, kepesatan kemajuan masa kini yang mendesak untuk membawa peralatan yang lebih besar untuk kegunaan dan keperluan syarikat pembinaan dalam urusan mereka menjurus kepada berlakunya perkara terbabit.

“Perkara sebegini kita tidak jangka berlaku memandangkan telah sekian lama kita melalui jalan tersebut dan banyak kenderaan menggunakan dan belum sampai ke tahap melepasi ketinggian seperti yang berlaku pada minggu lepas.

“Sehingga itu kami telah memikirkan untuk mendirikan sebuah binaan yang baharu dalam bentuk monumen dengan spesifikasi yang sesuai agar tidak mengganggu lalu lintas,” jelasnya.

This service is provided on BorneoPost online standard [Policies and Conditions](#). Copyright 2010-2015 BorneoPost Online. All Rights Reserved.